

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 29/5/2016

Muka surat: 8

Tajuk : InTeX16 inisiatif UNIMAS martabat hasil penyelidikan ahli akademik

## InTeX16 inisiatif UNIMAS martabat hasil penyelidikan ahli akademik

### **KOTA SAMARAHAN:**

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) melalui UNIMAS Innovation yang bertanggungjawab dalam pengurusan penyelidikan dan inovasi di UNIMAS, sekali lagi menganjurkan Ekspo Kajian dan Pembangunan yang telah mencapai usia kesembilan tahun ini.

Ekspo yang mengetengahkan inspirasi baHArU tahun ini dengan penjenamaan sebagai 'Innovation Technology Expo 2016' atau akronimnya InTeX16 berlangsung selama dua hari, 23 dan 24 Mei 2016 di Dewan Banquet, DeTAR PUTRA, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kota Samarahan.

Majlis penutupan dan penyampaian pingat serta sijil kepada pemenang telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

InTeX16 merupakan salah satu inisiatif UNIMAS memartabatkan

hasil penyelidikan para ahli akademik ke persada industri R&D global.

Seramai 240 penyelidik telah mendaftar bagi menyertai ekspo berkenaan.

InTeX16 juga agak unik kerana bukan hanya disertai kalangan penyelidik UNIMAS namun telah melebarkan sayapnya dengan penyertaan institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang lain.

InTeX16 bakal membawa suasana baharu kepada para pempamer yang mempertandingkan poster dan hasil penyelidikan dan diharapkan agar ia bukan sekadar wadah semata-mata untuk memenangi pertandingan namun lebih kepada komitmen mengetengahkan penyelidikan berkualiti dan berimpak tinggi.

Selain itu, InTeX16 juga dapat menonjolkan penyelidikan dan inovasi yang berpotensi dibangunkan dalam menggarap keperluan penduduk sekitaran khususnya dan Malaysia umumnya.

Pelbagai program harian dijalankan sepanjang ekspo ini berlangsung seperti sesi-sesi perkongsian harta intelek dan inovasi oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia serta ejen paten, ProIP Sdn Bhd.

InTeX16 juga menerima kunjungan daripada individu serta kumpulan pelajar, penyelidik, industri, pelabur dan penduduk sekitar.

Disediakan oleh  
Bahagian Canselori